



**Agensi Kelayakan Malaysia**  
Malaysian Qualifications Agency

## **GLOSARI JAMINAN KUALITI PENDIDIKAN TINGGI**

Glosari Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi yang disediakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) mengandungi terma utama dalam sistem pendidikan tinggi negara, jaminan kualiti dan proses kerja MQA. Glosari ini akan disemak secara berkala bagi pengemaskinian terma atau definisi bergantung kepada perkembangan semasa pendidikan tinggi negara.

### **A**

#### **Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007**

Suatu Akta untuk menubuhkan Agensi Kelayakan Malaysia sebagai badan kebangsaan untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia, untuk mengakredit program dan kelayakan pendidikan tinggi, untuk mengawasi dan mengawal selia kualiti dan standard pemberi pendidikan tinggi, untuk mengadakan dan menyenggarakan Daftar Kelayakan Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Sumber:  
Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]

#### **Akreditasi**

Akreditasi adalah suatu pengiktirafan yang diberikan oleh MQA selepas memeriksa dan menilai:

- a. sesuatu program atau kelayakan pendidikan tinggi; atau
- b. sesuatu pemberi pendidikan tinggi di bawah Bab 4 atau Bab 7 Bahagian VIII Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679],

yang mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia.

Sumber:  
Seksyen 2, Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]

#### **Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu**

*Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL): A systematic process that involves the identification, documentation and assessment of prior experiential learning, i.e., knowledge, skills and attitudes, to determine the extent to which an individual has achieved the desired learning outcomes.*

\*Satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu seperti ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap, untuk menentukan tahap seseorang individu mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan.

Sumber:  
Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2<sup>nd</sup> Edition

## Akreditasi Program

*Programme Accreditation is an assessment exercise to determine whether a programme has met the quality standards and is in compliance with the MQF. There are three stages of programme accreditation:*

- i. **Provisional Accreditation** is an accreditation exercise to determine whether a proposed programme meets the minimum quality standards prior to its launch.
- ii. **Full Accreditation** is an accreditation exercise to ascertain that the teaching, learning and all other related activities of a provisionally accredited programme meet the quality standards.
- iii. **Compliance Evaluation** is an exercise to monitor and to ensure the maintenance and enhancement of accredited programmes.

\*Penilaian yang menentukan sama ada sesuatu program telah mencapai standard kualiti dan mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia. Terdapat tiga tahap akreditasi program:

- i. **Akreditasi Sementara** ialah satu proses penilaian akreditasi untuk menentukan sama ada sesuatu program yang dirancang memenuhi standard kualiti minimum sebelum pelaksanaannya.
- ii. **Akreditasi Penuh** ialah satu proses penilaian akreditasi bagi memastikan pengajaran, pembelajaran dan aktiviti berkaitan sesuatu program yang telah mendapat akreditasi sementara mencapai standard kualiti.
- iii. **Audit Pematuhan** ialah satu proses penilaian pematuhan dan pemantauan terhadap program yang telah mendapat Akreditasi bertujuan untuk memastikan pengekalan dan penambahbaikan kualiti sesuatu program yang telah mendapat akreditasi.

Sumber:  
*Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition*

## Alumni

*Alumni: Graduates of a higher education provider.*

\*Graduan daripada pemberi pendidikan tinggi.

Sumber:  
*Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition*

## Amalan baik

*Good Practices: a set of internationally accepted norms which is expected to be fulfilled to maintain high quality.*

\*Set norma yang telah diterima pada peringkat antarabangsa yang perlu dicapai sebagai mengekalkan kualiti yang tinggi.

Sumber:  
*Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition*

## **Analisis Keperluan**

*Needs Analysis: An analysis carried out for identifying needs. (E.g., the training needs of staff and the market demand of a programme)*

\*Satu analisis yang dijalankan bagi mengenal pasti keperluan. (Contoh: keperluan latifan staf dan kebolehpasaran sesuatu program)

Sumber:  
Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

## **Audit Institusi**

*Institutional Audit: an external evaluation of an institution to determine whether it is achieving its mission and goals, to identify strengths and areas of concern, and to enhance quality.*

\*Penilaian luaran terhadap sesebuah institusi yang bertujuan menentukan sama ada ia mencapai misi dan matlamatnya, mengenal pasti kekuatan dan aspek-aspek yang memerlukan perhatian, di samping bertujuan meningkatkan kualiti.

Sumber:  
Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

## **Audit Kualiti Dalam**

*Internal Quality Audit: A self-review exercise conducted internally by a Higher Education Provider to determine whether it is achieving its goals, to identify strengths and areas of concern, and to enhance quality. The internal quality audit generates a Self-Review Report.*

\*Perlakuan penilaian sendiri yang dilaksanakan secara dalaman oleh sesebuah Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) untuk memastikan sama ada ia berjaya mencapai matlamatnya, mengenalpasti kekuatan dan aspek-aspek yang memerlukan perhatian dan untuk meningkatkan kualiti. Audit kualiti dalaman menghasilkan Laporan Penilaian Kendiri.

Sumber:  
Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

# **B**

## **Badan Peperiksaan atau Pensijilan**

Mana-mana badan, di dalam atau luar Malaysia, yang dinyatakan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, yang mengesahkan bahawa seseorang pelajar telah mencapai hasil pembelajaran.

Sumber:  
Seksyen 2, Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679)

## **Badan Profesional**

Mana-mana badan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud mengawal selia sesuatu profesion dan kelayakannya atau mana-mana badan lain yang diiktiraf oleh Kerajaan.

Sumber:  
Seksyen 2, Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]

## **Beban Akademik**

*Academic Load: A quantitative measurement for all learning activities required to achieve the learning outcomes.*

\*Ukuran kuantitatif semua aktiviti pembelajaran yang diperlukan untuk mencapai hasil pembelajaran.

Sumber:  
*Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2<sup>nd</sup> Edition*

## **Bukti Langsung Pembelajaran**

Bukti yang dikumpulkan dan dianalisis untuk menunjukkan bahawa pembelajaran telah benar-benar berlaku. Ia memberitahu pelajar, staf akademik dan pihak berkepentingan yang lain mengenai kedalaman, kelebaran dan kualiti prestasi (apa, banyak mana dan baik mana) yang dicapai oleh pelajar dari segi pengetahuan, pemahaman, kemahiran, amalan berfikir dan tatacara memberi respons terhadap suatu kejadian/peristiwa dan juga respons yang diberikan terhadap insan lain.

Sumber:  
Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar

## **Bukti tidak langsung Pembelajaran**

Bukti atau dapatan yang dikumpulkan untuk mendapatkan persepsi pelajar mengenai pembelajaran dan pengalaman pembelajaran mereka. Contoh bukti tidak langsung ini termasuklah kaji selidik awal dan akhir program, temu duga pelajar (cth. pelajar yang akan bergraduasi) dan kaji selidik alumni. Gred yang diperolehi pelajar juga dikira sebagai bukti tidak langsung pembelajaran pelajar.

Sumber:  
Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar

# **D**

## **Daftar**

Daftar Kelayakan Malaysia yang diadakan dan disenggarakan oleh Agensi di bawah seksyen 81 Akta Agensi Kelayakan Malaysia.

Sumber:  
Seksyen 2, Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]

## **Daftar Kelayakan Malaysia**

Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register, MQR*) merupakan sumber rujukan dan panduan berkaitan program pendidikan tinggi atau kelayakan yang telah diakredit dan dianugerah oleh pemberi pendidikan tinggi sama ada dari dalam atau luar negara. Program atau kelayakan ini hendaklah selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*).

Sumber:  
Portal MQR pada Laman Web MQA

## Double Degree

Program kerjasama yang ditawarkan oleh dua (atau lebih) PPT yang masing-masing menerima dan mengiktiraf program yang terlibat bagi tujuan pemindahan kredit. Pelajar yang mengikuti program ini akan mengikuti pengajian di institusi yang terlibat (dua PPT atau lebih). Di akhir pengajian, pelajar yang tamat akan dianugerahkan dua skrol kelayakan secara berasingan oleh IPT yang terlibat dalam program kerjasama ini.

Sumber:  
MQA Advisory Note Bil. 1/2017

## H

### Hasil Pembelajaran

*Learning Outcomes (LO): Statements on what a student should know, understand and can do upon the completion of a period of study.*

\*Pernyataan mengenai apa yang pelajar perlu tahu, faham dan boleh lakukan apabila tamat tempoh pengajian.

Sumber:  
i. Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2<sup>nd</sup> Edition  
ii. Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

### Hasil Pembelajaran Program

*Programme Learning Outcomes (PLO): Statements that describe the specific and general knowledge, skill, attitude and abilities that the programme graduates should demonstrate upon graduation. The graduates are expected to have acquired the outcomes upon completion of all the courses in their programme.*

\*Pernyataan yang menjelaskan ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap dan kebolehan secara khusus dan umum yang harus ditunjukkan oleh graduan apabila tamat pengajian. Graduan dijangka mendapat hasil pembelajaran apabila selesai semua kursus dalam program mereka.

Sumber:  
Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

## I

### Ijazah

Ijazah yang dianugerahkan kepada seseorang di peringkat Sarjana Muda, Sarjana atau Kedoktoran sesudah orang itu mencapai dengan jayanya satu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan ijazah itu atau yang setaraf dengannya.

Sumber:  
Seksyen 2, Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]

## J

### Jam Pembelajaran Pelajar

*Student Learning Time (SLT): An amount of time that a student is expected to spend on the teaching-learning activities including assessment to achieve specified learning outcomes.*

\*Sejumlah masa yang diperuntukkan oleh pelajar untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk aktiviti penilaian bagi menentukan pencapaian sesuatu hasil pembelajaran.

Sumber:  
Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

### Jaminan Kualiti

*Quality Assurance: A planned and systematic process to ensure that acceptable standards of education, scholarship and infrastructure are being met, maintained and enhanced.*

\*Satu proses terancang dan sistematik untuk memastikan ketetapan standard pendidikan, kesediaan dan infrastruktur dicapai, dikekalkan dan dipertingkatkan.

Sumber:  
Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

### Joint Degree

Program kerjasama yang mana kurikulum dibangunkan bersama dengan rakan kerjasama (dua rakan kerjasama atau lebih) PPT. Pelajar yang mengikuti program ini akan mengikuti pengajian di institusi yang terlibat (dua IPT atau lebih). Di akhir pengajian, pelajar yang tamat akan dianugerahkan dengan satu sijil kelayakan yang akan tertera logo dan ditandatangani oleh semua PPT yang terlibat dalam kerjasama tersebut.

Sumber:  
MQA Advisory Note Bil. 1/2017

## K

### Kelayakan

*Qualification: An affirmation of achievement which is awarded by a Higher Education Provider or any party that is authorised to confer it.*

\*Pengesahan pencapaian yang dianugerahkan oleh pemberi pendidikan tinggi atau mana-mana pihak yang diberi kuasa untuk menganugerahkannya.

Sumber:  
Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

### Kemasukan Terbuka

Merujuk kepada syarat kemasukan yang relevan kepada golongan dewasa yang mempunyai pengalaman pembelajaran dan boleh dinilai untuk tujuan kemasukan ke sesuatu program pengajian.

Sumber:  
Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu

## **Kemahiran Insaniah**

Kemahiran insaniah adalah ciri atau atribut dan kemahiran yang dihasratkan oleh majikan dan diperlukan dalam kehidupan profesional dan libat sama pelajar dengan masyarakat. Contoh atribut tersebut termasuklah kebolehan berkomunikasi, mengurus maklumat, mengurus masa, mengurus sumber, libat sama dengan insan lain dengan harmoni dan memimpin serta menjadi ahli dalam kumpulan dengan penuh tanggung jawab.

Sumber:  
Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar

## **Kerangka Kelayakan Malaysia**

*Malaysian Qualifications Framework (MQF): An instrument that develops and classifies qualifications based on a set of criteria that is agreed nationally and benchmarked with international practices, and which clarifies the academic levels learning outcomes and credit system based on student academic load.*

\*Satu instrumen yang membangun dan mengklasifikasikan kelayakan berdasarkan satu set kriteria yang dipersetujui di peringkat kebangsaan dan ditanda aras dengan amalan antarabangsa dan menjelaskan tahap pembelajaran, hasil pembelajaran dan sistem kredit yang berasaskan beban pembelajaran pelajar.

Sumber:  
*Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2<sup>nd</sup> Edition*

## **Khidmat Masyarakat**

*Community Services: Services volunteered by individuals or organisations to benefit a community.*

\*Perkhidmatan secara sukarela oleh seorang individu atau sebuah organisasi yang memberi manfaat kepada komuniti.

Sumber:  
*Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition*

## **Kod Amalan**

Kod Amalan merupakan panduan kepada semua pihak berkepentingan tentang bidang penilaian bagi tujuan jaminan kualiti. Dokumen kod Amalan menggariskan keperluan kualiti penting yang perlu dipatuhi oleh PPT dalam menjalankan program pengajian tinggi.

Kod Amalan adalah seperti berikut:

- i. Kod Amalan Akreditasi Program Edisi Pertama
- ii. Kod Amalan Akreditasi Program Edisi Kedua
- iii. Kod Amalan Audit Institusi
- iv. Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh

Sumber:  
Laman Web MQA

## **Kondusif**

*Conducive: A favorable surroundings or conditions environment with a positive effect on the students – can determine how and what the person is learning.*

\*Suasana persekitaran yang memberi kesan positif kepada pelajar – dapat menentukan apa dan bagaimana sesuatu pembelajaran diikuti oleh pelajar.

Sumber:  
*Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition*

## **Kredit**

*Credit: A quantitative measurement that represents the learning volume of the academic load to achieve the respective learning outcomes.*

\*Ukuran kuantitatif yang melambangkan masa atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu.

Sumber:  
*Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2<sup>nd</sup> Edition*

## **L**

### **Latihan Industri / Praktikal**

*Industrial/Practical Training: An activity within the programme where students are required to be placed in the workplace to experience the real working environment.*

\*Satu aktiviti dalam program yang memerlukan pelajar ditempatkan dalam persekitaran kerja/industri untuk mendapatkan pengalaman dan suasana pekerjaan/industri yang sebenar.

Sumber:  
*Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition*

## **M**

### **Massive Open Online Courses (MOOC)**

*MOOC: An online course aimed at unlimited participation and open access via the web.*

\*Kursus yang ditawarkan secara atas talian bertujuan mendapatkan penyertaan tanpa had dan memberi akses terbuka melalui laman web.

Sumber:  
*Guidelines on Credit Transfer for MOOC*

# P

## Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*Student-centred Learning*)

Persekitaran atau ekosistem pembelajaran dan pendekatan pembelajaran yang memfokuskan kepada pelajar. Maksudnya mengetahui mengenai gaya pembelajaran, kepintaran dan kecerdasan, pengetahuan sedia ada, minat, kebolehan mendengar dan menulis, latar belakang keluarga dan budaya mereka. Ia juga bermaksud mengetahui mengenai pelbagai maklumat yang relevan yang berkemungkinan mengekang pembelajaran atau mempertingkatkan pembelajaran pelajar serta juga pembelajaran mereka yang berada dalam ekosistem pembelajaran yang sama. Pendekatan pengajaran yang digunakan untuk mempertingkatkan keupayaan/potensi mereka perlulah dipelbagaikan dan diseimbangkan untuk mengambilkira kepelbagaian pelajar.

Sumber:  
Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar

## Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)

PPT adalah sesuatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau kumpulan orang lain yang mengendalikan program pendidikan tinggi atau latihan termasuk program latihan kemahiran yang membawa kepada penganugerahan kelayakan pendidikan tinggi atau yang menganugerahkan kelayakan pendidikan tinggi dan termasuklah pemberi pendidikan tinggi awam atau swasta, badan peperiksaan atau pensijilan atau wakil cawangannya.

*Higher Education Provider: A body corporate, organization or other body if persons which conducts higher education or training programmes including skills training programmes leading to the award of a higher qualification or which award a higher education qualification and includes the public or private higher education providers, examination or certification bodies or their representatives.*

Sumber:  
i. Seksyen 2, Akta Agensi Kelayakan Malaysia [Akta 679]  
ii. *Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2<sup>nd</sup> Edition*

## Pemindahan Kredit

Pengiktirafan kredit yang diperoleh dalam program diakredit bagi maksud memindahkan kepada program diakredit yang lain.

Terdapat 2 kategori pindah kredit iaitu:

- i. **Pindah Kredit secara Vertical** adalah pemindahan kredit daripada peringkat rendah kelayakan ke peringkat kelayakan yang lebih tinggi. Sebagai contoh pemindahan kredit daripada program diploma (tahap 4, MQF) ke program sarjana muda (tahap 6, MQF).
- ii. **Pindah Kredit secara Horizontal** adalah pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama. Contoh adalah seperti berikut:
  - a) Sijil (tahap 3, MQF) ke sijil (tahap 3, MQF)
  - b) Diploma (tahap 4, MQF) ke diploma (tahap 4, MQF)
  - c) Sarjana muda (tahap 6, MQF) ke sarjana muda (tahap 6, MQF).

Sumber:  
i. Seksyen 2, Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]  
ii. Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi (2009 – 2017)

## Penasihat Luar

*External Advisor: An acknowledged expert in the relevant field of study external to the Higher Education Providers, tasked to assist in reviewing the programme.*

\*Individu yang mempunyai ikatan secara tidak langsung dengan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dan diakui pakar dalam bidang pengajian dilantik untuk membuat semakan program.

Sumber:

- i. Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition
- ii. Surat Makluman MQA Bil. 2/2015 – Panduan Penggunaan Istilah Pemeriksuan Luar (*External Examiner*), Penasihat Luar (*External Advisor*) dan Lembaga Penasihat (*Advisory Board*)

## Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome Based Education, OBE*)

Suatu pendekatan pendidikan yang dimulakan dengan fokus yang jelas dan nyata mengenai perolehan akhiran pembelajaran yang signifikan dan kontekstual serta berkualiti tinggi dan seterusnya merancang atau menyusun segala persekitaran sistem pendidikan agar apa yang penting mampu dilakukan dengan jayanya oleh semua pelajar pada akhir pengalaman pembelajaran mereka. Ini bermakna menggambarkan dengan jelas dan nyata apa yang penting untuk pelajar lakukan dan kemudiannya menyusun kurikulum, kaedah pengajaran dan pentaksiran untuk memastikan pembelajaran yang dihasratkan akhirnya berlaku buat semua pelajar.

Sumber:

Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar

## Penilai/Pemeriksa Luar

*External Examiner: An acknowledged expert in the relevant field of study external to the Higher Education Providers, tasked to evaluate the programme's assessment system and the candidates.*

\*Individu luar Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan PPT dan diakui pakar dalam bidang pengajian dilantik untuk memeriksa sistem penilaian program dan calon (pelajar).

Sumber:

- i. Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition
- ii. Surat Makluman MQA Bil. 2/2015 – Panduan Penggunaan Istilah Pemeriksuan Luar (*External Examiner*), Penasihat Luar (*External Advisor*) dan Lembaga Penasihat (*Advisory Board*)

## Penilaian

*Assessment: A systematic mechanism to measure a student's attainment of learning outcomes.*

\*Satu mekanisme yang sistematik untuk mengukur pencapaian hasil pembelajaran pelajar.

Sumber:

Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

## Penilaian Formatif

*Formative Assessment: The assessment of student's progress throughout a course, in which the feedback from the learning activities are used to improve student attainment.*

\*Penilaian kemajuan seseorang pelajar sepanjang kursus, di mana segala maklum balas dari aktiviti pembelajaran digunakan untuk menambah baik pencapaian pelajar berkenaan.

Sumber:  
Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

## Penilaian Sumatif

*Summative Assessment: The assessment of learning which summarises the student progress at a particular time and is used to assign the student a course grade.*

\*Satu ringkasan penilaian kemajuan pembelajaran seseorang pelajar pada sesuatu jangka masa tertentu dan digunakan untuk penggredan kursus pelajar berkenaan.

Sumber:  
Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

## Perakuan Akreditasi

Satu perakuan rasmi bahawa sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan kepada graduan mencapai standard kualiti dan kriteria yang ditetapkan oleh MQA dan adalah selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia.

Program yang telah memperoleh Perakuan Akreditasi sahaja layak menggunakan perkataan 'Akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)' atau bentuk kenyataan lain dengan maksud yang sama dalam iklan dan tawaran kursus mereka.

Sumber:  
Portal MQR pada Laman Web MQA

## Program

*Programme: An arrangement of courses/subjects/modules that are structured for a specified duration and learning volume to achieve the stated learning outcomes, which usually leads to an award of a qualification.*

\*Apa-apa penyusunan sesuatu kursus/subjek/modul yang distrukturkan atau dirancang supaya mencapai hasil pembelajaran yang membawa kepada penganugerahan suatu kelayakan pendidikan tinggi.

Sumber:  
Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

## **Program Kerjasama**

*Collaborative Programme: Programme offered by a higher education provider but the curriculum is owned, and the award is conferred, by its partner.*

\*Program yang ditawarkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi yang mana kurikulum dan kelayakan dimiliki dan dianugerahkan oleh rakan kerjasamanya.

Sumber:  
Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

## **Program Sendiri**

*Home-grown Programme: Programme awarded by Malaysian higher education provider.*

\*Program yang kelayakan akademiknya dianugerahkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi Malaysia.

Sumber:  
Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

# **R**

## **Rubrik**

Alat penskor/peggedan yang mengandungi senarai kriteria dan standard tanda aras dan digunakan untuk pemberian skor/gred bagi tugas pentaksiran atau hasil pembelajaran. Ia memerihalkan kualiti prestasi bagi setiap gred bermula daripada kualiti terbaik hinggalah kualiti yang munasabah dan seterusnya kualiti yang amat rendah untuk setiap kriteria atau setiap satu hasil pembelajaran. Pemerihal ini dapat membantu dan memandu pelajar mengenal pasti kelemahan dan kekurangan hasil kerja atau tugas mereka sementara untuk staf akademik pula ia meyakinkan mereka penskor dan memberi gred kepada hasil kerja pelajar.

Sumber:  
Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar

# **S**

## **Staf Akademik**

*Academic Staff: Personnel engaged by Higher Education Provider who are involved in teaching, training and supervision.*

\*Individu yang dilantik oleh Pemberi Pendidikan Tinggi untuk penglibatan dalam pengajaran, latihan dan penyeliaan.

Sumber:  
Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition

## **Staf Pentadbiran**

*Administratif Staff: Non-academic personnel engaged by Higher Education Providers.*

\*Kakitangan bukan akademik yang dilantik oleh Pemberi Pendidikan Tinggi

Sumber:  
*Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition*

## **Standard Program**

*Programme Standard: Refers to programme standards approved by MQA.*

\*Dokumen standard program berdasarkan bidang yang dibangunkan oleh MQA.

Sumber:  
*Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) 2<sup>nd</sup> Edition*

## **Swaakreditasi**

Satu perakuan yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) ke atas universiti yang terbukti mempunyai sistem jaminan kualiti dalaman yang kukuh dan mantap di bawah subseksyen 61 (2), Akta Agensi Kelayakan Malaysia.

Sumber:  
Seksyen 2, Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]

Maklumat tambahan berkaitan dengan glosari dan terma kualiti pendidikan tinggi turut boleh didapati pada laman sesawang International Network for Quality Assurance Agencies in Higher Education (INQAAHE):

<http://www.inqaahe.org/quality-glossary>

## **NOTA:**

\*Merupakan terjemahan teks asal.